



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 7 MAC 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	JOHOR JADI FOOD BASKET, NEGARA, KOSMO – 14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI ANJUR DIA 2022 DI SEGAMAT, KOSMO-ONLINE	
3.	MAFI ANJUR DIA 2022 DISEGAMAT, SINCHOW DAILY -ONLINE	
4.	PROGRAM JELAJAH DIALOG INDUSTRI AGROMAKANAN 2022 DAERAH SEGAMAT JOHOR, JESSELTON.COM-ONLINE	
5.	"PANGGILAN" TANAM NANAS, LOKAL, HARIAN METRO-11	LAIN – LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# MAFI bantu industri agromakanan negeri itu kekal berdaya saing Johor jadi 'Food Basket Malaysia'

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**SEGAMAT** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membantu industri agromakanan negeri ini kekal mampan dan berdaya saing bagi mencapai sasaran menjadi 'Food Basket Malaysia'.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, Johor sememangnya negeri pengeluar utama buah-buahan dan sayur-sayuran bukan sahaja untuk kegunaan domestik, malah turut dieksport ke Singapura.

"Selaras dengan hala tuju pertanian negeri ini yang ingin menjadikan Johor sebagai Food Basket Malaysia dan membangunkan industri agromakanan yang kompetitif, MAFI akan sentiasa menyokong dan membantu industri agromakanan di negeri ini untuk kekal mampan dan berdaya saing.

"Jabatan Pertanian telah menyalurkan RM6,054,000 untuk Johor melaksanakan beberapa program antaranya Pambangunan Tanaman Buah-Buahan Jangka Panjang dan Pambangunan Tanaman Buah-Buahan Jangka Pendek," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Ronald berkata, MAFI turut



**RONALD** (depan, empat dari kiri) pada program 'Jajajah Dialog Industri Makanan 2022 (DIA2022)' di Segamat semalam.

memperuntukkan beberapa insentif di bawah Projek Pembangunan Persekutuan melalui jabatan dan agensi di bawahnya bagi daerah Segamat.

Menurut beliau, antaranya Pejabat Pertanian Segamat diperuntukkan insentif berjumlah RM456,178 melibatkan 168 penerima meliputi enam projek. Selain itu, seorang usahawan FAMA Segamat menerima Insentif Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) bernilai RM20,000.

Terdahulu, beliau memaklumkan MAFI melalui Jabatan Pertanian menganjurkan program 'Jajajah Dialog Industri Makanan 2022 (DIA2022)' di Segamat semalam.

Jelasnya, program itu bertujuan mendapatkan input, idea, pandangan dan cadangan daripada pemain subsektor tanaman melalui sesi libat urus secara langsung bersama pihak pengurusan MAFI.

"Sesi dialog sebegini diadakan secara bersiri dan berterusan di

peringkat negeri-negeri untuk terus memperkukuhkan agenda Sekuriti Makanan Negara.

"Cadangan dan input daripada pemain industri diperhalusi dalam menambah baik dasar dan pelan tindakan seiring dengan peranan Kementerian ini untuk mentransformasikan sektor pertanian ke arah yang lebih moden, dinamik dan berdaya saing.

"Ini sekali gus mempertingkatkan kualiti penyampailan perkhidmatan kepada golongan

sasar," katanya.

Turut hadir sebagai panel dialog program itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd. dan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Zahimi Hassan.

Jajajah DIA2022 merupakan program secara bersasar yang dirancang oleh MAFI dengan tema 'Pemodenan dan Produktiviti Menjamin Sekuriti Makanan' ekoran kejayaan Program Dialog Industri Agromakanan pada 10 Februari 2022 di Dewan Serbaguna MAFI.

Program itu melibatkan pemain industri dalam sektor agromakanan meliputi subsektor padi, tanaman, ternakan, pertanian dan kesekuruhan rantai agromakanan termasuk Kementerian, jabatan serta agensi lain yang berkepentingan.

Ronald turut menyampaikannya Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) bagi subsektor tanaman kepada 18 usahawan dari Segamat dan lesen peralatan menangkap ikan kepada 10 nelayan darat.

Turut disampaikan sumbangan MAFI Prihatin berupa bakul makanan dan sumbangan pihak industri bernilai RM52,500 kepada 150 mangsa yang terjejas akibat banjir di Segamat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2022	KOSMO	ONLINE	-

## MAFI ANJUR DIA2022 DI SEGAMAT

Oleh ZULKIFLI MANZOR

6 Mac 2022, 3:10 pm



*Ronald (dua dari kiri) semasa menyertai Jelajah Dialog Industri Makanan 2022 (DIA2022) di Segamat, Johor hari ini.*

**SEGAMAT** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian Malaysia menganjurkan program Jelajah Dialog Industri Makanan 2022 (DIA2022) di daerah ini hari ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, program itu bertujuan mendapatkan input, idea, pandangan dan cadangan daripada pemain subsektor tanaman melalui sesi libat urus secara langsung bersama pihak pengurusan MAFI.

“Sesi dialog sebegini diadakan secara bersiri dan berterusan di peringkat negeri-negeri untuk terus memperkukuhkan agenda Sekuriti Makanan Negara.

“Cadangan dan input daripada pemain industri diperhalusi dalam menambah baik dasar dan pelan tindakan seiring dengan peranan kementerian ini untuk mentransformasikan sektor pertanian ke arah yang lebih moden, dinamik dan berdaya saing sekaligus mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Turut hadir sebagai panel dialog pada program tersebut ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd. dan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia, Datuk Zahimi Hassan.

Jelajah DIA2022 merupakan program secara bersasar yang telah dirancang oleh MAFI dengan tema 'Pemodenan dan Produktiviti Menjamin Sekuriti Makanan' ekoran kejayaan Program Dialog Industri Agromakanan.pada 10 Februari 2022 di Dewan Serbaguna MAFI.

Program itu melibatkan terus pemain industri dalam sektor agromakanan meliputi subsektor padi, tanaman, ternakan, perikanan dan keseluruhan rantaian agromakanan termasuk kementerian, jabatan serta agensi lain yang berkepentingan dalam sektor agromakanan.

Dialog itu diadakan bagi mendapatkan pandangan dan cadangan dalam memacu hala tuju sektor agromakanan khususnya berkaitan sekuriti makanan supaya seiring dengan keperluan semasa kearah pemodenan sektor pertanian dan jaminan bekalan makanan negara di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Ronald turut menyampaikan Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) bag subsektor tanaman kepada 18 usahawan tani

Segamat dan lesen peralatan menangkap ikan kepada 10 nelayan darat.

Turut disampaikan sumbangan MAFI Prihatin berupa bakul makanan dan sumbangan daripada pihak industri bernilai RM52,500 kepada 150 mangsa yang terjejas akibat banjir di Segamat.- KOSMO! ONLINE





罗纳建迪（左起）移交大马良好农业规范证书给农民；右为巴鲁希山。（叶静薇摄）

## 農長：疫期推展農業 農業部2年獲撥逾9億

（昔加末6日讯）农业部长拿督斯里罗纳建迪表示，丹斯里慕尤丁担任首相冠病严重肆虐的2020年和2021年间，农业部获得超过9亿令吉的各式拨款，确保农业发展不受阻。

### 巡回各县办对话会

罗纳建迪今日出席与2022年农产品领域昔县对话会时指出，政府确保农业发展不受阻，在慕尤丁任相的疫情期间，农业部在关怀人民振兴经济配套（Prihatin）、经济重振计划（PENJANA）等援助配套下获得超过9亿令吉的款项，以协助农民。

他表示，该部将在其他县属举办系列对话会，听取农民建议，特别是与食品安全有关的意见。若有需要，该部将改变政策，确保农业领域获得提升，达致2021至2030年国家农粮政策2.0的目标。

罗纳建迪今日也颁发大马良好农业规范（myGAP）证书给18名昔县农民、发放捕鱼器材给10名渔民，以及由企业赞助总值5万2500令吉的农业部食物篮给150名在水灾中受影响的农民。

农业部副秘书长（发展）拿督巴鲁希山和农业局局长拿督扎希米也出席今日的对话会。

## PROGRAM JELAJAH DIALOG INDUSTRI AGROMAKANAN 2022 DAERAH SEGAMAT JOHOR



**SEGAMAT:** Program Jelajah Dialog Industri Makanan 2022 (DIA2022) pada kali ini telah dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian Malaysia di daerah Segamat, Johor. Program ini bertujuan untuk mendapatkan input, idea, pandangan dan cadangan daripada pemain subsektor tanaman melalui sesi libat urus secara langsung bersama pihak pengurusan tertinggi MAFI diketuai oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Turut sama pada program hari ini sebagai panel dialog adalah YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI dan YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia.

Dalam program ini juga, YB Menteri MAFI telah menyampaikan Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) bag subsektor tanaman kepada 18 orang usahawan tani Daerah Segamat dan lesen peralatan menangkap ikan kepada 10 orang nelayan darat. Turut disampaikan sumbangan MAFI Prihatin berupa bakul makanan dan sumbangan daripada pihak industri bernilai RM52,500 kepada 150 orang mangsa yang terjejas akibat banjir di Daerah Segamat.

Jelajah DIA2022 merupakan program secara bersasar yang telah dirancang oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan tema 'Pemodenan dan Produktiviti Menjamin Sekuriti Makanan'.



## Pengerang

Nekad meningkatkan bidang kejuruteraan untuk berbudi kepada tanah ternyata memberi puji-pujian lumen kepada Roslee Ismail yang mengusahakan tanaman nanas di Kota Tinggi.

Melihat hamparan tanaman nanas setiap kali pulang ke kampung halaman, Roslee, 51, berkata dia terdetik untuk menceburi bidang pertanian sebagai kerjaya baharu.

"Sebelum ini saya bekerja 'makan gaji' sebagai jurutera kimpalan di sebuah syarikat swasta di Selangor dan apabila pulang ke kampung di Kota Tinggi, saya melihat ramai orang luar yang mengusahakan tanaman nanas, daripada titulah diformulasikan untuk berbakti kepada tanah di kampung halaman sendiri," katanya.

Roslee berkata pada 2006 dia mencuba nasib dengan membuat permohonan sewaan tanah daripada Jawa-

tankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan pihak tersebut bersetuju menyewakan tanah seluas 8.09 hektar di Kampung Lepau kepadanya.

Sejak daripada itu, dia mengusahakan nanas jenis M36 dikuti Morris, Crystal Honey dan Josaphine sebelum menumpukan sepenuhnya kepada nanas MD2 susunan ia mendapat permintaan tinggi di pasaran.

"Bermodalkan kira-kira RM100,000 saya memulakan tanaman nanas dengan menegupah pekerja untuk mengusahakannya selama kitaran 18 bulan," kata Roslee yang berkelulusan Sijil Teknologi Kimpalan dari Institut Kemahiran Belia.

Sebagai individu yang baru berjindak-jinak dengan

sektor pertanian, dia sememangnya tidak dapat lari daripada pelbagai cabaran termasuk pada awalnya gagal dalam permohonan untuk mendapatkan tanah. Tarzan Ketel Pengeluaran Makanan ('TKPM), Jabatan Pertanian berikutnya mempunyai saingan ramai.

"Selepas 18 bulan, percubaan saya untuk mengusahakan nanas berjaya dan pada masa sama terdapat beberapa pengusah nanas dalam projek TKPM gagal,

selepas itu lah pihak Jabatan Pertanian menawarkan kepada saya tanah 20 ekar dan selepas cukup kitaran mereka menawarkan lagi 20 ekar tanah TKPM, syukur sekali saya sudah mempunyai 40 ekar tanah

untuk diusahakan," katanya.

Menurut Roslee yang berpindah ke kebun TKPM pada 2009, dia sangat gembira dan berpuas hati apabila melihat hasil tanaman nanasnya mendapat permintan ramai, sekali gus membuatkan nekad berhenti kerja sebagai jurutera kimpalan bagi menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap kebun nanas itu pada tahun sama.

Lebih mengembirakan-nya apabila Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) turut menawarkan kepadanya pinjaman benih MD2 sebanyak RM100,000 pada 2013 bagi mempergiatkan lagi usaha tanaman nanas varieti tersebut bagi menampung permintaan

tinggi dalam pasaran domestik serta eksport.

"Dalam tempoh seminggu kita mampu mengeluarkan 200 biji nanas jenis MD2 dengan purata jualan sebiji RM3 bersamaan RM6,000 seminggu dan jika dibantu LPNM dengan subsidi yang ada, petani hanya keluaran kos dalam RM1 bererti bersih dalam RM2 sebiji untuk buah sahaja bermakna pendapatan bersih boleh dapat RM4,000 seminggu," katanya.

Berdasarkan rekod LPNM, Johor merupakan pengeluar nanas terbesar negara diikuti Sarawak, Sabah dan Kedah.

Ketika ditanya mengenai harapan terhadap pengusahaan nanas seperti ini dia bertarap kerjayaan dapat mempergiatkan

lagi industri pengeluaran nanas dengan menyediakan pelbagai bantuan dan latihan agar lebih ramai agropreneur muda terlibat dalam tanaman komoditi tersebut.

"Saya sendiri bersedia menawarkan diri untuk memberi latihan kepada anak-anak muda untuk mempelajari mengenai penanaman nanas ini, kerana ia bukan sahaja antara sumber kekayaan baharu negara malah mampu meningkatkan pendapatan petani.

"Saya yakin dengan adanya banyak program latihan sebegini dapat menarik lebih ramai golongan belia daripada kumpulan B40 untuk terlibat dalam sektor pertanian dan sekali gus meningkatkan taraf hidupan mereka," kata bapa lima anak itu.

# 'Panggilan' tanam nanas

JURUTERA KIMPALAN JADI PETANI BERJAYA



"Saya bersedia memberi latihan kepada anak-anak muda Roslee"

ROSLEE (kanan) dibantu adik perempuannya Rosnah Ismail (kiri) dan suaminya Ady Abu Arie (tengah) ketika ditemui di kebun nanas mereka di Kampung Lepau, Pengerang di Kota Tinggi, baru-baru ini.